

01 FEB 2001

Mahathir-Putrajaya

PUTRAJAYA SECARA RASMI DIISYTIHAR WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Negara mencipta satu lagi sejarah hari ini apabila Putrajaya diistiharkan sebagai Wilayah Persekutuan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis meriah dan bermakna di Dataran Perdana di sini.

"Bagi melangsungkan maksud perjanjian tersebut, maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Amat Mengasihani, saya mengisytiharkan bahawa mulai daripada hari ini iaitu 1hb Februari tahun masihi 2001 bersamaan 7 Zulkaedah tahun hijrah 1421, Wilayah Persekutuan Putrajaya yang mengandungi kawasan-kawasan yang ditunjukkan dalam pelan warta No P.P. 2-2000, ditubuhkan.

"Saya berdoa Wilayah Persekutuan Putrajaya ini akan kekal sebagai pusat pentadbiran negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat," kata Dr Mahathir dalam ucapannya.

Putrajaya merupakan Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Dr Mahathir berkata hari ini merupakan satu lagi hari yang bersejarah dalam pentadbiran negara kerana Putrajaya, bandar pusat pentadbiran negara yang mengabadikan jasa dan kenangan terhadap Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, diisytihar menjadi Wilayah Persekutuan.

"Kerajaan persekutuan merasa amat gembira kerana berjaya mewujudkan dan membina Putrajaya serta selanjutnya mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri Selangor bagi menyerahkannya kepada kerajaan pusat untuk dijadikannya Wilayah Persekutuan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata dengan wujudnya Putrajaya, bermakna kerajaan dapat mempertingkatkan lagi khidmatnya kepada rakyat secara lebih cekap, cepat dan berkesan.

Perdana Menteri berkata pembangunan bandar-bandar di negara ini seperti Putrajaya harus disambut dengan baik kerana ia memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru itu, beliau berkata tuduhan kononnya pembangunan Putrajaya oleh kerajaan sebagai satu pembaziran, adalah aneh.

Perdana Menteri berkata mengapa tuduhan seperti itu tidak dibuat apabila bandar-bandar seperti Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam serta bandar-bandar lain dirancang dan dibangunkan.

"Jawapannya ialah politik yang mencari isu untuk memburukkan kerajaan. Kepentingan negara diketepikan kerana keutamaan kepada politik pihak-pihak tertentu dan hanya kerana kepentingan pihak ini, mereka sanggup bersubahat dengan orang asing dan menuduh kononnya Putrajaya adalah projek mega dan pembaziran.

"Pembangunan bandar-bandar ini tidak merugikan mana-mana pihak - tidak kerajaan dan tidak swasta. Semua pihak meraih keuntungan dan faedah," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana aktiviti perniagaan tinggi di bandar berbanding dengan luar bandar dan estet, maka ramai rakyat Malaysia mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan.

"Dan sudah tentu hasil yang dapat dikutip oleh kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan kerajaan pusat bertambah dengan banyak serta hasil ini dipulang balik kepada masyarakat bandar berkenaan dan seluruh negara melalui berbagai-bagai jenis pembangunan awam," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Putrajaya, projek komersil terbesar di

negara ini, bukan didirikan untuk pemimpin kerajaan hari ini kerana "kita tidak ingin melihat setiap kali pemimpin baru ditabalkan, maka rumah baru perlu dibina untuknya atau lebih buruk lagi, bandar baru dijadikan ibu kotanya".

"Putrajaya adalah untuk semua pemimpin akan datang, pemimpin sebuah negara yang sudah mencapai tahap pembangunan yang tinggi yang akan menjadi negara maju, InsyaAllah," kata beliau.

Katanya bangunan yang didirikan bukan sahaja untuk kegunaan pemimpin tetapi juga rakyat negara ini kerana mereka akan menggunakan bahagian-bahagian tertentu dibangunan berkenaan dan mereka juga perlu berbangga dengan bangunan negara sendiri.

"Apakah kita membazir dengan mendirikan Putrajaya? Kita membazir jika kita belanja untuk sesuatu yang tidak berguna. Kita boros jika kita belanja lebih daripada kemampuan kita dan kita boros dan membazir jika kita hutang untuk mendiri sesuatu yang tidak berguna," katanya.

Dr Mahathir berkata pembangunan seperti Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dan projek besar lain tidak sedikitpun menjejaskan kewangan negara.

Sebab itulah hanya Malaysia sahaja yang berjaya memulihkan ekonomi dan kewangan negara setelah diserang oleh penyangak matawang tanpa meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan menyerah ekonomi negara kepada agensi-agensi asing, kata Dr Mahathir.

"Kita guna wang kita sendiri untuk memulih negara kita sambil kita tidak lokek dalam membayar hutang lama kita, dan sambil kita meneruskan dengan pembangunan negara kita. Kita dapat menaikkan gaji, membayar bonus, mengatasi kemiskinan dan meneruskan penyediaan berbagai-bagai projek infrastruktur," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika kerajaan tunduk kepada pengkritik hari ini, sudah tentu tidak akan ada jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara-Selatan, kereta nasional, Putrajaya dan projek-projek lain.

"Ingatlah apabila orang asing mengkritik kita, sebabnya ialah kerana mereka kecewa tidak mendapat projek-projek ini. Orang Malaysia yang menyambut pengkritik asing ini hanya membenar diri menjadi alat kepentingan asing.

"Sudah tiba masanya kita mengutamakan kepentingan negara dan menangkis hasutan luar kerana negara kita adalah tanggungjawab kita," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata dengan mewujudkan Putrajaya, kerajaan persekutuan dapat secara langsung mengerakkan pembangunan di kawasan persekitarannya dengan membina infrastruktur, pusat perniagaan dan kemudahan sosial.

Beliau berkata ia juga dapat memudahkan perhubungan dengan lebih cekap dan cepat dengan kerajaan-kerajaan negeri, lebih-lebih lagi kerana kedudukannya yang strategik dan berdekatan dengan KLIA, Cyberjaya dan Kuala Lumpur.

Putrajaya, seluas 4,581 hektar, kira-kira empat tahun lalu merupakan sebuah ladang kelapa sawit dan getah yang dikenali sebagai Perang Besar yang ketika itu tidak banyak menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan negara, katanya.

Pada masa itu, hanya terdapat 60 buah rumah sahaja untuk pekerja ladang tetapi kini dalam masa yang singkat, Putrajaya mempunyai 26 blok bangunan pentadbiran dan 42 blok lagi yang akan siap pada tahun 2003.

Pada tahun 2010, sebanyak 67,000 unit rumah kediaman akan siap dibina. Jumlah penduduk kini telah mencapai 7,250 orang yang terdiri daripada 1,450 keluarga dan 1,500 unit rumah.

Beliau berkata kerajaan pusat juga menjunjung kasih kepada Sultan Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah serta Pemangku Sultan Selangor dan ucapan terima kasih kepada kerajaan Selangor yang bersetuju menyerahkan

kawasan itu untuk dijadikan kawasan Wilayah Persekutuan kerajaan pusat.

"Saya sedar walaupun kawasan ini tidak luas, tetapi pada prinsipnya, penyerahan kawasan oleh kerajaan negeri kepada pusat adalah satu pengorbanan. Demikianlah komitmen negeri-negeri kepada konsep persekutuan sehingga Selangor sanggup membuat pengorbanan ini.

"Negara berterima kasih kepada negeri Selangor kerana ini," kata Dr Mahathir.

Perjanjian penyerahan Putrajaya oleh kerajaan Selangor kepada kerajaan persekutuan dan menjadikannya Wilayah Persekutuan, ditandatangani pada 7 Nov 2000.

Wilayah Persekutuan Putrajaya juga merupakan satu lagi petanda bahawa projek ke arah Wawasan 2020 sedang berjalan lancar dan sebuah negara Malaysia maju akan menjadi kenyataan, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV ES LAT